

Bab 3

ANTARA PARA FUQAHA' DAN GOLONGAN SUFI

Dalam sastera Islam terdapat banyak pembahasan di antara golongan fuqaha dan ahli Sufi. Akan kita dapati pada hakikatnya, kebanyakan dari pembahasan mereka akan berakhir dengan pengakuan golongan fuqaha ini terhadap jasa-jasa golongan sufi. Antaranya yang dapat kita saksikan adalah seperti berikut:

Pertama, dari Imam Asy-Syafi'i ra., katanya: "Aku berteman dengan orang-orang dari golongan sufi dan mengambil dua kalimat dari mereka, iaitu: Apabila dirimu tidak disibukkan dengan kebenaran, nescaya ia akan disibukkan dengan kebatilan, dan waktu itu laksana pedang, sekiranya engkau tidak memotongnya, maka dia akan memotongmu."

Sedangkan Imam Ahmad bin Hanbal ra. mewasiatkan kepada puteranya agar menemui orang-orang sufi pada masanya. Dikatakan olehnya, "Sesungguhnya mereka itu mencapai, di dalam keikhlasannya, maqam yang tidak kau capai."

Kedua, dikatakan bahawa Daud Ath-Tha-i mengikuti tasawuf kerana ucapan Imam Abu Hanifah ra. kepadanya, iaitu setelah dia belajar fiqh kepada Abu Hanifah, "Wahai Abu Sulaiman (julukan Daud Ath-Tha-i), dalam hal penyampaian, kita sudah selesai." Kata Daud, "Lalu apa yang tersisa, ya sayyidi?" Imam Abu Hanifah ra. menjawab, "Pengamalannya." Maka Daud melakukannya dengan penuh semangat melalui bimbingan Al-Jadd, dan tasawufnya melalui Khubaib Al-'Ajami.

Ketiga, diriwayatkan bahawa Imam Ahmad bin Hanbal ra. sedang berada di majlis Imam Asy Syafi'i ra. ketika datang

Syaiban Ar Ra'i. Berkatalah Imam Ahmad, "Wahai Abu 'Abdullah, aku ingin mengingatkan orang ini tentang kurangnya ilmunya, agar dia berusaha untuk menimba beberapa ilmu." Imam Asy Syafi'i berkata, "Jangan lakukan itu!" Namun Imam Ahmad belum puas, sehingga dia bertanya kepada Syaiban, "Bagaimana pendapatmu tentang seseorang yang melupakan solat lima waktu dalam waktu sehari semalam dan tidak mengetahui mana yang dilupakannya dari yang diwajibkan atas dirinya, Syaiban?" Maka Syaiban menjawab, "Wahai Ahmad, itulah dia hati yang lalai terhadap Allah, sehingga wajiblah dia diajar agar tidak melupakan Tuhannya lagi!" Mendengar itu, Imam Ahmad jatuh pingsan sejenak. Setelah sedar kembali, Imam Asy Syafi'i berkata kepadanya, "Bukankah aku sudah katakan, jangan kau lakukan demikian?"

Syaiban Ar Ra'i termasuk golongan sufi yang ummi . Kalau keadaan yang ummi sahaja seperti itu, bagaimana pula dengan para pemimpinnya?

Keempat, dikisahkan bahawa seorang tokoh faqih yang serupa sekali dengan Asy Syibli di Jami' Al Manshur. Dikatakan bahawa si faqih biasa dipanggil dengan sebutan Abu 'Imran, dan pelajaran mereka terhenti kerana kata-kata Asy- Syibli.

Pada suatu hari, sahabat-sahabat Abu 'Imran bertanya kepada Asy-Syibli tentang soal haid. Tujuan mereka adalah untuk memalukannya. Mereka menyebut beberapa perkataan dalam pembahasan itu dan perbezaannya. Maka berdirilah Abu 'Imran. Dicuminya kepala Asy-Syibli seraya berkata, "Wahai Abu Bakar, beruntunglah dalam soal ini Anda mengemukakan sepuluh kalimat yang belum pernah kudengar. Dari kalimat-kalimat yang kau katakan itu, aku hanya mengetahuinya tiga kalimat saja."

Kelima, seorang faqih bernama Abu'l 'Abbas bin Suraij menghadiri majlis Al Junaid ra. dan mendengar ucapan-ucapannya. Kemudian dia bertanya kepada Al-Junaid, "Bagaimana pendapatmu tentang perkataan seperti ini?" Al

Junaid menjawab, “Aku tidak tahu apa yang dikatakan, tetapi ku lihat perkataan itu memiliki gema yang bukan gema suara orang yang bathil.”

Keenam, dikatakan kepada 'Abdullah bin Sa'id bin Kilab, “Engkau adalah orang yang mampu berbicara dengan orang ramai. Di sini ada seseorang yang bernama Al-Junaid. Cubalah kau lihat apakah engkau dapat melawan dia atau tidak.” Maka orang itu datang di majlis ilmu Al-Junaid dan menanyakan soal tauhid kepadanya. Setelah dijawab, 'Abdullah bin Sa'id menjadi hairan dan berkata, “Cuba ulangilah apa yang kau katakan.” Al-Junaid mengulangi jawabannya, tetapi tidak seperti jawapan yang pertama. Kata 'Abdullah, “Ini adalah sesuatu yang lain yang tidak kuhafal. Ulangilah sekali lagi.” Al-Junaid mengulanginya tetapi dengan cara yang lain lagi. Maka berkatalah 'Abdullah, “Tidak mungkin aku menghafal apa yang kau katakan. Jelaskanlah kepada kami.” Al-Junaid berkata, “Kalau engkau menggolongkannya, aku akan mencatatkannya.” 'Abdullah berdiri dan mengakui keunggulan serta ketinggian nilainya.

Ketujuh, pernah terjadi perdebatan yang indah antara seorang faqih bernama Ibnu Basyar dengan Imam Asy-Syibli dari golongan sufi. Ibnu Basyar dan kawan-kawannya dari kalangan fuqaha' menolak golongan sufi pada zaman itu, termasuk di dalamnya Asy-Syibli. Pada suatu kesempatan, Ibnu Basyar menjumpai Asy-Syibli dan membahas sesuatu daripada ilmu. Apabila bertemu, Ibnu Basyar bertanya, “Berapa yang ada di dalam seekor unta?” Asy-Syibli cuma diam sahaja, sehingga Ibnu Basyar mengulangi pertanyaannya. Akhirnya Asy-Syibli bertanya lagi, “Apakah yang kau maksudkan itu zakatnya?” Dia menjawab, “Benar.” Maka berkatalah Asy-Syibli, “Yang diwajibkan oleh syari'at ialah satu ekor kambing, dan yang diharuskan atas orang seperti kita ialah seluruhnya.” Ibnu Basyar bertanya kembali, “Apakah engkau mempunyai contoh tentang hal itu?” Jawab Asy-Syibli, “Ya. Abu Bakar As-Siddiq. Dia mengeluarkan seluruh hartanya pada jalan Allah.”

Ketika Rasulullah saw. bertanya, “Apa yang kau tinggalkan untuk keluargamu?” Dia menjawab, “Aku tinggalkan untuk mereka Allah dan RasulNya.” Maka pulanglah Ibnu Basyar kepada teman-temannya bersama fuqaha' dengan raut wajah yang berbeza. Dia berkata kepada mereka, “Ternyata golongan sufi telah membawa kebaikan seluruhnya, sedangkan kita membuang sia-sia usia kita dalam perdebatan.”

Kelapan, Imam Asy-Sya'rani mengisahkan sebuah cerita lucu. Konon seorang faqih bernama Ibnu Suraij mengingkari Imam Abu'l Qasim Al-Junaid. Kepada Al-Junaid, dia berkata, “Tarekat kami melahirkan ahli-ahli dalam fiqh dan membawa kami kepada jalan yang paling dekat kepada Allah daripada tarekat kamu, iaitu yang dituju oleh orang-orang sufi.” Al-Junaid berkata, “Engkau harus membawa bukti tentang hal itu.” Kata Ibnu Suraij, “Engkaulah yang harus membawakan kami bukti.” Maka berkatalah Al Junaid, “Hai Fulan, pungutlah batu itu lalu lemparkanlah ke tengah-tengah golongan orang-orang fakir.” Setelah batu dilemparkan, orang-orang fakir itu berseru, “Allah... Allah... Allah...!” Kemudian Al-Junaid berkata lagi, “Sekarang lemparkan batu itu ke tengah-tengah golongan fuqaha'.” Setelah batu dilemparkan, maka para fuqaha' itu berteriak, “Haramlah kamu! Buat kami terperanjat sahaja!” Ibnu Suraij bangun lalu mencium kepala Al-Junaid serta mengakui keutamaannya. Maka Al-Junaid berkata kepadanya, “Sebenarnya pada diri kamulah keutamaan itu, sebab pokok dasar tarekat kami adalah ilmu yang ada pada kamu.” Namun Ibnu Suraij menjawab, “Bukan, kamulah yang lebih utama. Kamu menambah bagi kami kebaikan mu'amalah dengan Allah.”

Ja'far As-Sadiq ra. berkata: “Aku pernah menemui empat ratus orang sufi dan ulama dan bertanya kepada mereka tentang empat hal, tetapi tak seorang pun dapat menjawab.” Aku kesal sehingga langsung tidur. Di dalam tidur, aku mimpi berjumpa dengan Nabi saw. Beliau menanyakan keadaanku dan semangatku. Maka aku menjawab, “Ya sayyidi, ya Rasulullah,

aku sudah menemui empat ratus orang sufi ahli tarekat dan bertanya tentang empat hal, tetapi tak satu pun yang menjawab tentang hal itu." Nabi saw. bersabda, "Sekarang engkau boleh bertanya kepadaku tentang hal-hal itu." Aku pun segera bertanya, "Pertama, apakah hakikat tauhid itu? Kedua, sampai di mana batas akal? Ketiga, apakah batas-batas tasawuf itu? Keempat, apakah hakikat kefakiran itu?" Maka jawablah Nabi saw.:

"Pertama, hakikat tauhid ialah apa saja yang bergerak di dalam jiwamu akan binasa, sedangkan Allah sebaliknya. Kedua, batas akal adalah meninggalkan ujian dunia dan meninggalkan pemikiran tentang zat Allah. Ketiga, batas tasawuf adalah meninggalkan dakwah dan menyimpan makna-makna, selalu bermuraqabah kepada Allah, menyempurnakan keimanan, dan menghiaskan diri dengan ketakwaan. Keempat, hakikat kefakiran adalah hendaknya engkau tidak memiliki sesuatu dan tidak dimiliki oleh sesuatu, selalu redha terhadap Allah dalam dua keadaan: kaya mahupun miskin."

Berita-berita tentang golongan sufi seperti ini sangat banyak. Untuk pembahasan kita, cukuplah sampai di sini.

PANDANGAN IBNU TAIMIYYAH TENTANG WALA-YAH (KEWALIAN) DAN PARA WALI

Para wali Allah adalah orang-orang yang bertakwa. Mereka memperolehi petunjuk melalui Nabi Muhammad saw., kemudian melaksanakan apa yang diperintahkan olehnya, meninggalkan apa yang dilarang olehnya, serta mengikuti jejak yang dijelaskan olehnya. Allah mendukung mereka bersama para malaikatNya dan ruhNya, mengisi hati-hati mereka dengan cahayaNya, dan memberi mereka karamah sebagaimana yang dianugerahkanNya kepada para waliNya yang baik dan bertakwa. Karamah tersebut diberikan sebagai hujjah di dalam agama atau kerana adanya keperluan di kalangan muslimin, seperti mukjizat nabi kita, Muhammad saw. Di samping itu, karamah para wali

hanya diperolehi dari berkat mencontohi Rasulullah saw., sehingga pada hakikatnya hal itu juga merupakan mukjizat Rasulullah saw. Ada terkumpul sekitar seribu mukjizat, sedangkan karamah para sahabat, tabi'in, dan orang-orang soleh sesudah mereka tidak terhitung banyaknya.

IBNU TAIMIYYAH MENGHARGAI SYAIKH 'ABDUL QADIR AL JAILANI

Syaitan banyak menggoda manusia kerana sedikitnya ilmu dan kefahaman dalam agama. Abu Hurairah ra. berkata, “Segala sesuatu memiliki rintangan, dan rintangan Islam adalah fiqh di dalam agama.”

Di dalam hadits At Tirmidzi diterima riwayat dari Ibnu 'Abbas ra., katanya, "Rasulullah saw. bersabda:

“Satu orang yang ahli dalam fiqh lebih menyulitkan syaitan daripada seribu orang ahli beribadah.”

Oleh kerana itu, para syeikh sufi sangat menjaga ibadah dan nafkahnya di dalam agama agar pintu masuk bagi syaitan yang merusakkan ibadah mereka tertutup.

Syaikh 'Abdul Qadir Al-Jailani ra. berkata, Dalam salah satu pengembaraanku, aku pernah merasa kepanasan yang hebat sampai hampir mati kehausan. Tiba-tiba awan hitam melindungiku dan angin dingin berhembus ke arahku sampai-sampai nyaris mengalir air liurku. Selanjutnya aku mendengar suara memanggilku, “Hai 'Abdul Qadir, aku adalah tuhanmu.” Aku bertanya kembali, “Adakah Engkau Allah, yang tidak ada tuhan selain diri-Mu?” Lalu terdengar panggilan buat kali keduanya, “Hai 'Abdul Qadir, aku adalah tuhanmu, dan telah kuhalalkan bagimu segala apa yang kuharamkan atas dirimu.” Maka aku berkata, “Pendusta! Engkau tak lain hanyalah syaitan!” Tiba-tiba awan hitam itu hilang, sementara aku mendengar suara dari belakangku, “Hai 'Abdul Qadir, engkau

selamat dariku kerna ilmu fiqh dalam agama yang kau miliki. Ketahuilah bahawa aku berhasil menipu tujuh puluh orang dengan cara ini.”

Kemudian ditanyakan kepada Syeikh 'Abdul Qadir Al-Jilani, “Bagaimana engkau tahu bahawa dia adalah syaitan?” Dia menjawab, “Dari perkataannya, ‘... telah kuhalalkan bagimu segala apa yang kuharamkan atas dirimu,’ sebab sepeninggalnya Rasulullah saw tidak ada lagi penghalalan atau pengharaman.”

Di samping itu, Syeikh 'Abdul Qadir mengetahui bahawa dia adalah syaitan kerana ia berkata, “Aku adalah tuhanmu,” dan bukan, “Aku adalah Allah.” Kata 'Rabb' bermakna luas dan dapat dipakai dalam berbagai segi, misalnya, *rabb ad daar*, *rabb al maal*. Sedangkan lafazh Jalalah adalah khusus bagi Allah yang Maha Pencipta, sehingga iblis tidak dapat berkata-kata dengan lafaz Jalalah.

Berdasarkan ini, Ibnu Taimiyyah berkata, “Tidaklah agung Syeikh 'Abdul Qadir Al Jailani kecuali karena pandangannya tentang qadar dan kisahny dengan syaitan.”

Kata Ibnu Taimiyyah selanjutnya, “Syaikh 'Abdul Qadir dan tokoh-tokoh syeikh semacamnya pada zaman mereka memerintahkan berdasarkan syari'at tentang perintah dan larangan, mendahulukannya daripada perasaan dan kehendak peribadi, serta merupakan syeikh yang paling agung dalam memerintahkan untuk meninggalkan hawa nafsu dan kehendak jiwa.”

